

## Daripada ijazah sarjana muda terus ke PhD

Nazdy Harun  
am@hmetro.com.my



ASYRAF berjaya menamatkan pengajian di peringkat PhD dalam jurusan isyarat sel dan komunikasi sel. FOTO Nazdy Harun

Kuala Nerus: Kecemerlangan seorang penuntut Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di peringkat ijazah sarjana muda membolehkannya terus melanjutkan pengajian di peringkat doktor falsafah (PhD) tanpa melalui peringkat sarjana.

Mohammad Asyraf Adhwa Masimen, 28, dari Tampin, Negeri Sembilan berkata, dia sebelum ini menamatkan pengajian sarjana muda kelas pertama di UMT dalam bidang Sains Biologi pada 2017 sebelum memohon untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana.

Menurutnya, permohonannya untuk melanjutkan pengajian di UMT bukan sahaja diterima, malah lebih istimewa apabila ditawarkan terus untuk melanjutkan pengajian di peringkat PhD.

Katanya, penyelidikan yang dilakukan di peringkat PhD juga berdepan cabaran ketika Covid-19 kerana tidak dapat menamatkan pengajian lebih awal seperti yang dirancang.

"Alhamdulillah berkat kesungguhan dan berkat doa mak dan ayah, hari ini saya berjaya menamatkan pengajian," katanya yang menamatkan pengajian PhD (Isyarat Sel dan KomunikasiSel) pada Majlis Konvokesyen UMT Ke-22 di Dewan Sultan Mizan, di sini, hari ini.

Mengulas mengenai pencapaianya, Mohammad Asyraf berkata, dia berjaya menghasilkan partikel nano perak daripada sumber marin ketika pengajian pasca siswazahnya.

Katanya, partikel nano perak itu dihasilkan daripada cacing laut tempatan (yang dikenali umpun-umpun) yang tidak dijumpai di tempat lain sebaliknya hanya ada di Malaysia dan dijumpai oleh saintis UMT sendiri, Prof Madya Dr Izwandy Idris.

"Partikel nano perak yang dihasilkan daripada sumber marin ini berpotensi besar dalam membantu menyelesaikan masalah di peringkat global yang berkaitan kerintangan antibiotik dalam merawat jangkitan penyakit yang disebabkan oleh bakteria.

"Sepanjang pengajian pasca siswazah, saya bergiat aktif dalam kelab pasca siswazah Fakulti Sains Sekitaran Marin sehingga dilantik sebagai presiden bagi sesi 2020/2021 dan menjadi pengarah program bagi dua persidangan pasca siswazah yang bertaraf antarabangsa," katanya.

Menurutnya, dia juga dipilih pembentang terbaik dan memenangi projek terbaik dalam pelbagai persidangan dan pertandingan inovasi dalam dan luar negara.

Katanya, dia juga menjadi calon tunggal dari UMT yang berjaya ke peringkat akhir untuk pertandingan 3 Minute Thesis peringkat kebangsaan dan merangkul tempat kedua (kategori sains).

Tambahnya, dia kini menubuhkan sebuah syarikat berkaitan dengan penghasilan produk berasaskan kajian saintifik dan pembangunan serta penyelidikan berasaskan sains biologi.

"Saya juga bekerjasama rapat dengan bekas penyelia saya, Prof Dr Wan Iryani Wan Ismail dalam kerjasama saintifik bagi menghasilkan produk-produk berasaskan bukti saintifik yang mampu memberi manfaat kepada masyarakat," katanya.

Menceritakan kehidupan keluarganya, Mohammad Asyraf berkata, walaupun dilahir dalam keluarga yang kurang berkemampuan, ia bukan penghalang untuknya mencapai kejayaan demi mengubah nasib keluarga.

Menurutnya, ayahnya, Masimen Naji, 60, hanya seorang pekerja kilang kain, manakala ibunya, Nurzainun Zainal, 52, pula tidak bekerja tetapi mereka sentiasa mengutamakan pendidikan anak-anak.

"Sebagai anak sulung daripada dua beradik, saya nekad untuk berjaya demi membala jasa mereka," katanya.

**Disiarkan pada: Oktober 21, 2024 @ 1:41pm**